



Peladang HeiTech Sdn Bhd

501, Blok A, Kelana Center Point, No. 3, Jalan SS7/19,
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor
03-78054394/95 fax 03-78054715

2 hb.Mac2010

Kepada,

Pengurus Besar PPK/PPN Yang Berkenaan,

Tuan/Puan Pelanggan PHT yang dihargai,

Terma terma dan limitasi Tawaran Pemasangan Antivirus Kaspersky untuk Komputer Server DELL Power EDGE atau HP PROLIANT ML110 bagi tahun 2010 pada harga Promosi lesen Kaspersky Antivirus Server RM400.00 Satu (1) tahun sahaja.

Dengan hormatnya kami ingin merujuk kepada pekara diatas.

Ingin dimaklumkan bahawa, PHT menawarkan promosi terhad untuk pemasangan Antivirus Kaspersky Server bagi menggantikan Antivirus McAfee sedia ada di dalam server yang telah tamat tempoh sejak Februari 2009. Bagi keberkesanan Kasperky versi server ini tuan/puan mestilah mematuhi syarat-syarat penggunaan server seperti berikut:

1. Server hanya digunakan untuk maksud tujuan asal iaitu melayani 4 unit pc klien SPPP,SPAP,SBPKP atau SIPPNJ sahaja.
2. Server tidak digunakan untuk Kerja- kerja harian seperti : MS Office, E-mail, Internet Explorer atau/dan perisian-perisian yang seumpama dengannya.
3. Server tiada menunjukkan tanda-tanda serangan virus telah berlaku dan 100% Antivirus McAfee boleh dibuang di keluarkan.

Sekiranya pekara 3 diatas telah berlaku dan tidak dapat diatasi secara jarak jauh maka server **ppk perlu di format semula oleh KCTM negeri secara onsite terlebih dahulu** dan selepas itu barulah pihak PHT boleh membuat kerja installasi semula system SPPP,SPAP,SBPKP secara jarak jauh menggunakan teknologi Logmein Hamachi. Bagi kerja instalasi semula SPPP dan sebagainya, pihak PHT akan mengenakan caj perkhidmatan kepakaran RM49.00/jam sebagai bayaran tambahan kepada harga promosi lesen kaspersky antivirus RM400.00 untuk satu (1) tahun sahaja.

Kerja installasi SPPP biasanya mengambil masa selama 2 jam manakala lain aplikasi seperti SBPKP dan SPAP akan mengambil masa selama 1 jam sahaja. Selepas itu kerja installasi dan konfigurasi antivirus kaspersky server akan mengambil masa selama 2 jam. Anggaran masa ini adalah tertakluk kepada kelajuan internet yang stabil pada kelajuan minima 1megabit per saat disebelah PPK/PPN dan disebelah PHT. Sebarang kehilangan data semasa atau selepas pemasangan adalah diluar tanggungjawab Peladang Heitech(PHT). Oleh itu pihak tuan adalah diminta melakukan sendiri kerja kerja sandaran(backup) semua data data PPK/PPN yang terkini kedalam media seperti CDRW/DVDRW atau Pendrive.

Sekian dan sekiranya tuan ada apa-apa kemusykilan, sila berhubung dengan pihak kami di mejapht atau mejapht1 melalui Skype secara bertulis.

Sekian terima kasih,

Yang benar,



(AHMAD PUZI BIN ABU BAKAR, BCK)
CEO PHT SDN. BHD.

S/K :

Ketua Pengarah LPP,
Pengurus Besar MADA,
Pengurus Besar KADA,
Pengarah Jab. Pertanian Sarawak.
Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat LPP
Pengarah LPP Negeri
Pengarah Penyeliaan Bahagian Organisasi,LPP
CTO PHT (Sila Atur dan Selaraskan Kualiti Perkhidmatan ICT)
Pengurus Unit Sales and Business PHT (Sila Uruskan CWO untuk setiap ppk)
Pengurus Unit ICT Servis PHT (Sila Uruskan Installasi jarak jauh)
Pengurus Unit Business Support PHT (Sila Uruskan Akaun Pelanggan)

PERSETUJUAN PENGURUS BESAR PPK

Sekiranya tuan/puan bersetuju dengan terma-terma dan had-had limitasi perkhidmatan PHT diatas. Sila tandatangan persetujuan berserta cop PPK/PPN dan Scan ke format pdf &Skype ke mejapht atau mejapht1 atau faks kembali surat ini kepada pihak Peladang Hietech Sdn. Bhd di No Faks 0378054715.

" Kami bersetuju dengan terma dan limitasi diatas"

.....
(Tandatangan Pengurus Besar PPK/PPN)

Cop PPK/PPN :

Nama:

No h/p:

Email:

ID Skype:

Nama PPK/PPN:

Tarikh:

C:\Documents and Settings\Administrator\My Documents\kaspersky AV server\Surat syarat Pemasangan AV edited ceo 1.1 2010.doc